

Bajet Responsif Gender galak kesaksamaan

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Bajet Responsif Gender yang dilaksanakan kerajaan akan meningkatkan kesaksamaan gender dalam sebuah negara kerana ia meliputi keperluan dan kepentingan masyarakat yang berbeza termasuk wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, bajet berkenaan bukanlah bermaksud memperuntukkan peruntukan khusus untuk golongan wanita sahaja tetapi menggalakkan kerajaan memperuntukkan bajet untuk semua kumpulan dalam masyarakat.

"Bajet Responsif Gender bukanlah satu perkara baru. Ia sudah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebelum ini. Cuma ia belum diberikan perhatian khusus oleh kebanyakan negara pada masa ini. Bajet Responsif Gender bukanlah melibatkan peruntukan kewangan semata-mata. Fokusnya meluas kepada polisi-polisi dan program yang digariskan dalam sesuatu peruntukan kewangan," katanya.

Yen Yen berkata demikian ketika berucap pada bengkel bertajuk Mekanisme Untuk Memastikan Pengiktirafan Isu-Isu Wanita Dalam Proses Menggariskan Bajet pada Persidangan Parlimen Komanwel Ke-54 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur sini hari ini.

Jelas beliau, bajet yang mengambil kira kesaksamaan gender memerlukan pihak berkuasa yang merancang dan agensi yang bertanggungjawab ke atas wanita untuk bekerjasama semasa membentuk sesuatu bajet.

"Agensi yang bertanggungjawab dalam isu-isu wanita perlu membantu golongan yang menggariskan bajet memandangkan sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai pengalaman luas dalam isu-isu wanita," katanya.

Tambahnya, biarpun Malaysia sudah mengamalkan Bajet Responsif Gender sejak 2003 lagi mekanisme yang tepat masih lagi penting untuk memastikan bajet yang diperuntukkan kerajaan setiap tahun mengiktiraf golongan wanita.

Tiba masa naikkan gaji sistematik

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat sudah tiba masanya untuk kerajaan menaikkan kadar gaji pekerja di negara ini secara sistematik.

Katanya, jika kenaikan itu dilakukan dengan penuh berhati-hati, kesan kenaikan harga barangan tidak akan dirasai dengan ketara.

Menurutnya, dalam satu tempoh tertentu, kesan tersebut akan berhenti dan rakyat dapat membiayakan diri dengan suasana kehidupan berkos tinggi dan pada masa yang sama, tahap kehidupan mereka turut meningkat.

"Saya tidak pernah menggemari pembayaran gaji yang rendah kerana ia akan membataskan kuasa membeli barang dan perkhidmatan di kalangan rakyat.

"Sekiranya kuasa beli meningkat, sudah tentu perniagaan runcit khususnya akan menikmati jualan yang lebih tinggi, perniagaan lain umpamanya pengangkutan juga akan terus makmur dan kerajaan turut berpeluang menambah pendapatan," katanya.

Beliau berucap pada siri Syarahan Makan Malam Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2008 bertajuk *Menghampiri 2020: Trend Utama Yang Memberi Kesan Kepada Perniagaan Malaysia* di sini malam ini.

Pada majlis itu, Tun Dr. Siti Hasmah

Mohd. Ali turut melancarkan sebuah biografi bertajuk *Mahathir Mohamad: An Illustrated Biography*.

Dr. Mahathir berkata, Singapura selepas mencapai kemerdekaan telah melaksanakan program menaikkan gaji secara berterusan pada setiap tahun.

"Walaupun saya tidak pernah kagum dengan Singapura, ada kalanya kita tertanya-tanya kenapa pelabur memilih republik itu sedangkan mereka boleh memilih Malaysia yang kosnya lebih murah. Saya rasa anda tahu kenapa itu berlaku," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan kesatuan sekerja supaya tidak berterusan mendesak sekiranya kerajaan telah menaikkan gaji pekerja.

Sebaliknya beliau berkata, pihak kesatuan perlu bekerjasama meningkatkan produktiviti agar dalam jangka masa panjang mereka akan terus berpeluang menikmati kenaikan gaji.

MAHATHIR Mohamad melihat buku *Mahathir Mohamad: An Illustrated Biography* hasil karya E.Yu yang dilancarkan oleh Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali selepas majlis siri syarahan perdana oleh beliau di Pusat Konvensyen Sime Darby Kuala Lumpur, malam tadi.



Isteri penama rumah murah

Oleh SUWARNI MOKHTAR dan ROHANI IBRAHIM

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Kerajaan disaran meletakkan nama isteri sebagai penama yang pertama dalam pembelian rumah kos rendah bagi memastikan hak dan kebajikan mereka terus terbelak-

kan. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, langkah itu perlu dilakukan supaya isteri tidak teraniaya sekiranya suami mereka meninggal dunia atau berlaku sesuatu pada pasangan terlibat.

"Terdapat juga kes apabila suami meninggal dunia, saudara mara sebelah suami akan merebut rumah berkenaan sehingga meny-

babkan isteri serta anak-anak dihalau keluar.

"Ini juga bagi mengelak kejadian seperti suami yang kaku judi menjual rumah mereka sebagai cagar untuk mendapatkan wang kerana mahu berjudi," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri bengkel Mekanisme Untuk Memastikan Pengiktirafan Isu-Isu Wanita Dalam Proses Meng-

gariskan Bajet pada Persidangan Parlimen Komanwel ke-54 di sini hari ini.

Katanya, polisi itu telah dilaksanakan di India sejak tahun 2005 di bawah Misi 2007 Pembaharuan Kebangsaan diikuti oleh Pakistan yang menjadikan keperluan tersebut sebagai mandatori dalam pembelian rumah terutamanya bagi mereka yang miskin.

Sementara itu, Menteri Perumahan dan Pemasnian Kemiskinan Dalam Bandar, India, Kumari Selja menjelaskan, melalui misi tersebut sebanyak 1.5 juta rumah kos rendah diperuntukkan kepada wanita terutamanya mereka yang miskin sehingga tahun 2012.

Jumlah tersebut hanya melibatkan peruntukan daripada kementerian sahaja dan tidak termasuk lain-lain kementerian.

"Di India, terdapat 56 kementerian yang setiap satunya memperuntukkan sebanyak 30 peratus atau satu pertiga bajet mereka untuk pembangunan wanita dan peruntukan ini juga berbeza-beza mengikut bandar.

"Mumbai, Delhi dan Calcutta memperuntukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding negeri lain ekoran perbezaan jumlah penduduk. Wanita terlibat pula hanya perlu membayar antara 10 hingga 12 peratus daripada harga rumah tersebut mengikut kemampuan mereka manakala kos-kos lain ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan melalui peruntukan yang disediakan," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Perundangan Pakistan, Kashmala Tariq pula memberitahu, polisi tersebut bukan sahaja mampu melindungi hak seseorang wanita tetapi turut mengangkat martabat wanita di dalam sesebuah masyarakat.

Jelasnya, mengikut hukum faraid, wanita hanya layak memperoleh satu perlemparan daripada harta suami manakala yang selebihnya jatuh ke tangan anak lelaki atau saudara lelaki.

"Sekiranya mereka mempunyai anak atau saudara mara yang bertanggungjawab, kedudukan mereka tidak terancam. Jika sebaliknya berlaku, di mana bala atau ibu ini akan tinggal sekiranya mereka dihalau keluar oleh saudara mara atau anak apabila sudah tua nanti," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Parlimen Wanita Komanwel (CWP) memberitahu, Pakistan memperuntukkan sebanyak lima juta unit rumah bagi tujuan yang sama.

Carrefour



9 - 10 Ogos 2008

| | | | |
|--|--|--|---|
| <p>0.79 Kerang Setiap Kg</p> | <p>0.79 Mabong Setiap 100g</p> | <p>99.00 Sunsweet Kurma Deglet Nour Tunisia Setiap Kotak 5 Kg</p> | <p>RM1 Sebelum: RM1.99 Sah Pada 9 Ogos 2008 Sahaja* Pembelian RM50 Dan Keatas Untuk Mendapatkan 1 Unit Produk Ini Dengan Harga Big Saver</p> |
| <p>7.99 Daging India FQ Slice Setiap Pek ± 900g</p> | <p>1.99 Bawang Putih Bakar Setiap Kg</p> | <p>31.95 Beras Siam Special Ketupat (Usang) 10 Kg (Terhad kepada 2 pek setiap keluarga setiap hari)</p> | <p>499 Olympus FE310 8.0 Megapixel, 5x Optical Zoom, Face Detection FREE 1 GB XD Card & Premium Case</p> |
| <p>3.99 Drinho Drink Pelbagai Perisa 6 x 250ml</p> | <p>1.99 Fiesta Frankfurter Ayam 340g</p> | <p>10.99 Nescafe 3 In 1 Regular 40x20g (Terhad kepada 2 pek setiap keluarga setiap hari)</p> | <p>49.90 Carrefour Laci 4 Tingkat Saiz(cm): 90(H) x 46(W) x 40(D)</p> |
| <p>54.79 Pediasure Complete Coklat / Vanilla 900g (Terhad kepada 2 tin setiap keluarga setiap hari)</p> | <p>3.49 Ubat Gigi Fresh & White 2 x 175g</p> | <p>98.90 Katil Bayi Saiz(cm): 23(H) x 23(W) x 82(L)</p> | |
| <p>2.79 FarmCows 250g</p> | <p>5.95 Fresh Waj PEK KEMBAR Nilai Hebat 优惠价 RM5.95</p> | | |

SEKARANG Lebih Murah daripada tahun 2007

JIMAT! 1,000 produk

kami dikurangkan harganya, lebih murah berbanding tahun lalu hanya di Carrefour.

LAYARI LAMAN WEB KAMI Di: www.carrefour.com.my
*Semua Harga Barangan Adalah Dinyatakan Dalam Ringgit Malaysia.
Carrefour Customer Careline 1300-88-2939 (Semantara Stock Ada)

Shafie Apdal dijangka menang

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dijangka memenangi jawatan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Parlimen Komanwel (CPA) dalam sesi pemilihan yang akan berlangsung esok.

Kira-kira 300 delegasi CPA dari 57 buah negara bakal mengundi pada hari terakhir Persidangan Parlimen Komanwel ke-54 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa KLCC di sini esok.

Mohd. Shafie yang juga Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan berdepan dengan anggota House Of Lord, United Kingdom, Lord Paul of Marylebone untuk merebut jawatan berkenaan.

Mohd. Shafie adalah Pengerusi CPA Bahagian Malaysia dan Rantau Asia Tenggara sejak 2004 sementara Lord Paul merupakan anggota Parti Buruh sejak 1996, berkhidmat untuk dua jawatankuasa pilihan House Of Lord.

Jika Mohd. Shafie menang Malaysia akan menjalankan tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Persidangan Parlimen Komanwel (CPA) untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Sejak CPA berfungsi hampir 100 tahun dulu, United Kingdom menjadi Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif CPA untuk lebih 70 tahun dan sejak tiga tahun lalu ia dipegang oleh wakil dari India.